

PENGHARGAAN

الحمد لله segala puji-pujian hanya bagi Allah S.W.T., kerana hanya dengan inayahnya, kajian “Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju” dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang telah membiayai kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Jabatan Pelajaran Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Kelantan yang telah memberikan kebenaran kepada kami untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih banyak dipanjangkan kepada pihak 39 sekolah yang terlibat di atas kesudian, kerjasama ikhlas dan kesungguhan dalam memastikan kami dapat menyempurnakan kerja lapangan dengan lancar seperti yang dirancang.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada penyertaan ikhlas para pelajar tingkat empat dalam kajian ini “Sesungguhnya Andalah Harapan Masa Hadapan untuk Memartabatkan Kecemerlangan Ketamadunan Agama dan Bangsa Kita”. Kepada semua kakitangan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (sebelum ini dikenali sebagai Institut Pengembangan Pertanian) yang ikhlas terlibat menyumbangkan tenaga di lapangan : Cik Aswanimiyuni Arshad dan Encik Syukri Abdul Rahman bermusafir meraikan ramadhan di Kelantan, dan Encik Rostam bin Haron dan Cik Siti Hasshura Hashim bermusafir meraikan Aidul-Fitri di Pulau Pinang dan tidak lupa juga kepada Puan Suhaili Musa dan Cik Norlela Abd. Naim. Pengorbanan semua sangatlah dihargai.

Doa kami, semoga segala bantuan dan budibaik yang diberikan oleh semua insan terlibat akan mendapat ganjaran sebanyak-banyaknya daripada Allah S.W.T., Amin.

Terima Kasih Semua.

Azimi bin Hamzah
Zanariah binti Mohd Nor

KESEDIAAN BELIA SEBAGAI TUNGGAK NEGARA MAJU

oleh

**Prof. Dr. Hj. Azimi Hamzah
Zanariah Mohd Nor**

**Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional
Universiti Putra Malaysia
Julai 2007**

RINGKASAN EKSEKUTIF

1.0 Tujuan Kajian

- 1.1 Kajian kesediaan belia sebagai tunggak negara maju ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah kesediaan kumpulan belia yang membesar dengan/ dalam era Wawasan 2020 dalam merealisasikan harapan ke sembilan-sembilan cabaran yang termaktub dengan negara maju sepenuhnya.
- 1.2 Secara khususnya kajian tertumpu kepada untuk mengetahui: (i) Tahap kesediaan belia awal semasa dalam memenuhi sembilan cabaran negara maju sepenuhnya; (ii) Perbezaan kesediaan belia awal semasa dalam memenuhi sembilan cabaran negara maju sepenuhnya mengikut pembolehubah terpilih (iaitu jantina, etnik, lokasi, zon, jenis kediaman keluarga & kepelbagaian etnik di kawasan kediaman); dan (iii) Perkaitan angkubah terpilih dengan kesediaan belia awal semasa dalam memenuhi sembilan cabaran negara maju sepenuhnya.

2.0 Metodologi Kajian

- 2.1 Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik berbentuk OMR isi sendiri yang diedarkan kepada responden secara berkumpulan. Kesediaan belia sebagai tunggak negara maju diukur berdasarkan aset pembangunan belia positif yang diselaraskan dengan sembilan cabaran Wawasan 2020. Maklumat gaya hidup merangkumi amalan kesihatan, amalan agama, pencangah amalan sivik dan tingkah laku berisiko turut kenalpasti bagi membantu kefahaman perkaitannya dengan kesediaan belia sebagai tunggak negara maju.
- 2.2 Populasi kajian adalah golongan belia awal semasa yang berada di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia yang lahir pada tahun yang sama Wawasan

2020 dicetuskan. Sampel kajian merupakan pelajar tingkatan empat yang di pilih menggunakan persampelan rawak, berkelompok dan berstrata. Seramai 1170 responden terlibat dalam kajian ini yang mempunyai nisbah zon 3:4:3 bagi zon tengah:zon timur: zon utara, lokasi 6:4 bagi bandar:luar bandar, jurusan 1:1 bagi jurusan sains: sastera, jantina 1:1 bagi lelaki:perempuan, dan etnik 6:3:1 bagi Melayu:Cina:India.

- 2.3 Data analisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kekerapan dan purata digunakan bagi analisis deskriptif. Tiga jenis analisis inferensi dan tahap keertian 0.05 digunakan dalam ujian signifikan. Ujian T digunakan untuk menganalisis perbandingan tahap kesediaan belia sebagai tunggak negara maju bagi jantina, lokasi, kediaman keluarga, kepelbagaian etnik di kediaman. Analisis varians (ANOVA) pula digunakan untuk menguji perbezaan kesediaan belia berdasarkan etnik dan zon. Variasi sumbangan gaya hidup belia terhadap kesediaan belia sebagai tunggak negara maju ditentukan menerusi ujian regresi.

3.0 Ringkasan Penemuan Kajian

- 3.1 Secara menyeluruh, majoriti belia awal semasa (52.0 %) berada di tahap kesediaan sederhana dalam berperanan sebagai tunggak negara maju. Walau bagaimanapun terdapat variasi tahap kesediaan belia menghadapi sembilan cabaran 2020 – iaitu dalam lingkungan sederhana ke rendah. Belia awal semasa didapati bersedia dengan tahap sederhana untuk menghadapi lima cabaran berbanding empat cabaran lain yang berada di tahap rendah.
- 3.2 Dalam lingkungan kesediaan sederhana, dua per empat (75.5 %) belia awal semasa didapati bersedia untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu (Cabaran 1) dan diikuti 64.86 peratus bersedia dengan pembentukan masyarakat berdasarkan keadilan dan kesamarataan (Cabaran 8). Jatuh ke tangga kesediaan belia ke tiga (55.94%) dan ke empat (55.45%) adalah kesediaan mereka mewujudkan masyarakat dinamik dan berdayasaing (Cabaran 9) dan menjadi masyarakat beretika dan beragama (Cabaran 4). Kesediaan memenuhi keperluan masyarakat progresif dan pendayaupayaan (Cabaran 6) (50.71%) didapati di tangga kesediaan belia ke lima.
- 3.3 Di aras kesediaan rendah, 45.37 peratus belia awal semasa didapati paling kurang bersedia menjadi masyarakat beriltizam dan berkeyakinan tinggi

(Cabaran 2) (45.37%). Belia juga didapati kurang bersedia untuk memenuhi keperluan masyarakat demokratik (Cabaran 3) (47.91%), masyarakat yang meraikan kepelbagaian dan patriotisme (Cabaran 5) (48.98%) dan masyarakat perihatin dan penyayang (Cabaran 7) (49.57%).

- 3.4 Secara keseluruhannya, tahap kesediaan belia awal semasa sebagai tunggak negara maju menunjukkan dapatan yang bervariasi bila dianalisis mengikut jantina, etnik, lokasi, zon, jenis kediaman keluarga dan kepelbagaian etnik di kawasan kediaman. Keenam-enam pembolehubah ini didapati membezakan tahap kesediaan belia. Di aras kesediaan sederhana, belia perempuan adalah lebih bersedia berbanding belia lelaki. Belia luar bandar didapati lebih bersedia daripada belia bandar di takkala kedua-duanya di aras kesediaan sederhana. Belia India dan belia Melayu dengan kesediaan sederhana adalah lebih bersedia berbanding belia Cina yang berkesediaan rendah. Di aras kesediaan sederhana, belia zon timur didapati paling bersedia daripada belia zon utara dan berbanding belia zon tengah di tahap rendah yang paling kurang bersedia. Dalam lingkungan sederhana, belia berumah kampung adalah lebih bersedia berbanding belia yang berkediaman teres/berkembar/bungalow atau belia yang tinggal di flat/kuarters. Pada aras kesediaan yang sama, belia yang tinggal di persekitaran kediaman etnik homogenus didapati lebih bersedia sedikit daripada mereka yang tinggal di kediaman heterogenus.
- 3.5 Dapatan perbandingan terperinci mengikut ke sembilan-sembilan cabaran Wawasan 2020 menunjukkan tren yang agak berbeza. Merentasi sembilan cabaran, etnik dan zon membezakan kesediaan belia. Sebaliknya, jantina, kepelbagaian etnik di kawasan kediaman, lokasi dan jenis kediaman menunjukkan tahap kesediaan belia ini yang berbeza kecuali terutamanya bagi dua kesediaan yang rendah iaitu Cabaran 2 dan Cabaran 5 dan dua kesediaan yang sederhana iaitu Cabaran 8 dan Cabaran 9.
- 3.6 Merujuk kepada gaya hidup belia awal semasa, tahap amalan keagamaan belia didapati di ambang sederhana (50.18%) berbanding amalan kesihatan belia di tahap rendah (49.35%). Di aras rendah, belia mengamalkan tingkah laku berisiko (21.80%) lebih tinggi daripada tingkah laku yang bercangah dengan amalan sivik (15.90%).
- 3.7 Amalan keagamaan belia didapati variasi penyumbang yang tinggi / *effect size* besar kepada kesediaan belia sebagai tunggak negara maju dengan 27.0 peratus berbanding amalan kesihatan yang jauh lebih rendah dengan *effect size*

kecil iaitu 6.7 peratus. Bertingkah laku berisiko dan tingkah laku bercanggah dengan amalan sivik didapati berupaya mengurangkan kesediaan belia masing-masing dengan *effect size* kecil iaitu sebanyak 4.2 peratus untuk merealisasikan negara maju.

- 3.8 Penelitian terperinci ke atas variasi sumbangan gaya hidup belia terhadap kesediaan mereka untuk berperanan sebagai tunggak negara maju didapati berbeza. Amalan keagamaan penyumbang variasi tertinggi dengan *effect size* sederhana iaitu sekitar 1.0 peratus hingga 24.0 peratus, sebaliknya berkurang bagi amalan kesihatan belia iaitu dengan julat *effect size* kecil di antara 1.4 peratus hingga 6.6 peratus. Dalam lingkungan *effect size* kecil tingkah laku berisiko di kalangan belia didapati berupaya mengurangkan kesediaan belia setinggi 7.0 peratus dan serendah 0.3 peratus sementara tingkah laku pencanggah amalan sivik setinggi 5.7 peratus dan serendah 0.6 peratus.
- 3.9 Amalan keagamaan didapati paling mempengaruhi kesediaan belia dengan *effect size* sederhana merealisasikan masyarakat beretika dan beragama (20.7%) sementara tingkahlaku berisiko dan tingkahlaku pencanggah amalan sivik di kalangan belia, dengan *effect size* kecil, paling merosotkan kesediaan belia merealisasikan cabaran ini. Amalan kesihatan, dengan *effect size* kecil, didapati paling mempengaruhi kesediaan belia untuk mewujudkan masyarakat progresif dan pendayaupayaan (6.6%).

4.0 **Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan**

- 4.1 Belia awal semasa belum mencapai kesediaan yang tinggi sebagai tunggak negara maju. Banyak usaha menyerlah aset golongan ini perlu dilakukan berhubung dengan aspek Bangsa Malaysia, Keadilan dan Kesamarataan, Dinamik dan Berdayasaing, Beretika dan Beragama, Masyarakat Progresif dan Pendayaupayaan dan terutama sekali mengenai aspek Beriltizam dan Beryakinan Tinggi, Matang dan Demokratik, Merai Kepelbagaian dan Patriotisme, dan Perihatin dan Penyayang.
- 4.2 Kesediaan belia awal semasa sebagai tunggak negara maju berbeza mengikut jantina, etnik, lokasi, zon, jenis kediaman keluarga dan kepelbagaian etnik di tempat kediaman. Usaha untuk meningkatkan kesediaan belia sebagai tunggak negara maju perlu diusahakan dengan lebih gigi bagi penyerlahan aset

belia lelaki, belia Cina, belia di bandar, belia di zon tengah, belia yang tinggal di kediaman flat dan rumah teres, berkembar dan bungalow, dan belia yang tinggal di persekitaran pelbagai etnik.

- 4.3 Amalan agama belia awal semasa merupakan penyumbang utama kepada kesediaan mereka sebagai tunggak negara maju. Dalam apa jua usaha penyerlahan aset luaran dan dalaman belia dari aspek mewujudkan Bangsa Malaysia, Keadilan dan Kesamarataan, Dinamik dan Berdaya saing, Beretika dan Beragama, Masyarakat Progresif dan Pendayaupayaan, Beriltizam dan Beryakinan Tinggi, Matang dan Demokratik, Merai Kepelbagaian dan Patriotisme, dan Perihatin dan Penyayang – hendaklah menjadikan elemen agama sebagai paksi dan panduan. Malah, sekiranya agama menjadi wadah merentas usaha penyerlahan aset belia, sekali gus amalan kesihatan boleh ditingkatkan dan tingkah laku berisiko dan yang bercanggah dengan amalan sivik dapat dikurangkan.
- 4.4 Golongan dewasa yang berdampingan dengan belia perlu diberi latihan khusus mengenai pembangunan belia positif agar berkeupayaan menyerlahkan potensi belia dengan berkesan sama ada di rumah, sekolah, mahupun dalam masyarakat bagi memastikan belia disediakan secara profesional untuk menjadi tunggak negara maju.
- 4.5 Kajian perlu dijalankan ke atas semua program-program pembangunan belia di semua peringkat, nasional mahupun tempatan, bagi mengenalpasti jurang yang wujud dalam usaha untuk menyediakan belia sebagai tunggak negara maju. Hasil kajian seumpama ini boleh menyumbang kepada usaha pembangunan belia sebagai rakan pembangunan sekiranya ianya dijadikan paduan kepada perencanaan program bersesuaian yang bersepadu serta dikendalikan oleh pembimbing atau golongan dewasa yang berwibawa dan profesional.

KANDUNGAN

Kandungan		m/s
PENGHARGAAN		I
RINGKASAN EKSEKUTIF		II
KANDUNGAN		VII
SENARAI JADUAL		X
SENARAI GAMBARAJAH		XIII
BAB I :	PENGENALAN	1
	Latarbelakang	2
	Tenaga Belia sebagai Aset Pembangunan	4
	Belia sebagai Tunggak Negara Maju	6
	Pembangunan Belia Positif	9
	Permasalahan Kajian	11
	Objektif Kajian	13
	Kepentingan Kajian dan Implikasi Penemuan	13
BAB II :	SOROTAN LITERATUR	15
	Negara Maju Sepenuhnya	15
	Cabaran Wawasan 2020: Konteks Pembangunan Belia Malaysia	16
	Faktor Mempengaruhi Pembangunan Potensi Belia	21
	Pembangunan Belia dari Perspektif Islam	22
	Pembangunan Belia dari Perspektif Barat	30
	Agen-agen Perubahan yang Mendayaupayakan Pembentukan Belia Positif	35
	Intervensi Penyerlahan Pembangunan Aset Dalam dan Aset Luaran Belia	51
	Ringkasan dan Kerangka Teori Kajian Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju	68
BAB III.	METODOLOGI KAJIAN	74
	Kerangka Konseptual Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju	74
	Populasi dan Persampelan	78

Kandungan		m/s
	Kaedah Pengumpulan Data	82
	Instrumen Kajian	83
	Penganalisan Data	88
BAB IV.	PENEMUAN HASIL KAJIAN	91
	Profil Responden	91
	Kesihatan Belia	98
	Pengisian Waktu Senggang Belia	101
	Keterlibatan Belia dalam Tingkahlaku Berisiko	102
	Penglibatan Belia dalam Aktiviti Pelbagai Kaum dan Politik	106
	Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju	108
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju	108
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju berdasarkan Jantina	112
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju berdasarkan Etnik	118
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju berdasarkan Lokasi	128
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju berdasarkan Zon	134
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju berdasarkan Jenis Kediaman Keluarga	144
	Tahap Kesediaan Belia Memenuhi Keperluan Cabaran Negara Maju berdasarkan Kepelbagaian Etnik di Kawasan Kediaman Keluarga	154
	Gaya Hidup Belia : Amalan Kesihatan dan Amalan Keagamaan	162
	Gaya Hidup Belia : Pencanggah Amalan Sivik dan Tingkah Laku Berisiko	162
	Analisis Regresi Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju dengan Gaya Hidup Belia	164
BAB IV.	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	174
	RUJUKAN	199

	Kandungan	m/s
LAMPIRAN		
1	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya (Ruj.:KP(BPPDP)603/5/JLD.08(133) bertarikh 6 Ogos 2006)	206
2	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (Ruj.: Bil(46)dIm.Pen.P.P.0051-2Jld.24 bertarikh 16 Ogos2006)	208
3	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Ruj.: JPWP 12-21/Jld.5-06/(9) bertarikh 16 Ogos2006)	209
4	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pelajaran Kelantan (Ruj.: PPKn(UPP)5048/15 Jld.2 (37) bertarikh 16 Ogos2006)	210
5	Surat Memohon Kebenaran dan Kerjasama daripada Pengetua Sekolah untuk Menjalankan Kajian (Contoh Surat)	211
6	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Jantina	214
7	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Etnik	215
8	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Lokasi	217
9	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Zon	218
10	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Jenis Kediaman Keluarga	220
11	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Kepelbagaian Etnik di Kawasan Kediaman Keluarga	222

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	m/s
1	Aset dan Sub Aset Pembangunan Belia Positif	48
2	Taburan Peratusan Indikator Harapan dan Individual Remaja	50
3	Taburan Item/Soalan berdasarkan Bahagian Borang Soal Selidik	84
4	Ringkasan Aset dan Sub Kategori Aset Pembangunan Belia Positif (PBP) bagi Pengukuran Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju	85
5	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	88
6	Profil Belia (A)	92
7	Profil Belia (B)	93
8	Profil Belia (C)	94
9	Profil Belia (D)	95
10	Pendidikan Tertinggi Ibumama/Penjaga	96
11	Pekerjaan Ibumama/Penjaga	96
12	Masalah Kesihatan di Kalangan Belia	99
13	Rujukan Utama Belia sekiranya Mengalami Masalah Kesihatan	100
14	Pengisian Aktiviti Waktu Senggang	101
15	Perselisihan Faham dalam Pergaulan/Komunikasi di Kalangan Belia	102
16	Salah laku Belia di Sekolah	103
17	Tingkah Laku Berisiko di Kalangan Belia	104
18	Belia sebagai Mangsa Tingkah Laku Berisiko	106
19	Minat Belia dalam Penglibatan Aktiviti Pelbagai Kaum dan Politik berdasarkan Etnik	107
20	Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju	109
21	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju mengikut Jantina	112

SENARAI JADUAL (SAMB)

Jadual	Tajuk	m/s
22	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Mengikut Jantina	113
23	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Mengikut Jantina	115
24	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Merentasi Etnik	119
25	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Merentasi Etnik	121
26	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Merentasi Etnik	121
27	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Lokasi	128
28	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Lokasi	129
29	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju berdasarkan Lokasi	130
30	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Merentasi Zon	135
31	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Merentasi Zon	136
32	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Merentasi Zon	137
33	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Merentasi Jenis Kediaman Keluarga	145
34	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju Merentasi Jenis Kediaman Keluarga	145
35	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Merentasi Jenis Kediaman Keluarga	147
36	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Kepelbagaian Etnik di Kawasan Kediaman Keluarga	155

SENARAI JADUAL (SAMB)

Jadual	Tajuk	m/s
37	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju berdasarkan Kepelbagaian Etnik di Kawasan Kediaman Keluarga	155
38	Taburan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju berdasarkan Kepelbagaian Etnik di Kawasan Kediaman Keluarga	156
39	Tahap Amalan Kesihatan dan Amalan Keagamaan di Kalangan Belia	162
40	Tahap Pencanggahan Amalan Sivik dan Tingkah Laku Berisiko di kalangan Belia	163
41	Ringkasan Latar Belakang Belia berdasarkan Tahap Kesediaan	183
42	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju berdasarkan Jantina	214
43	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Merentasi Etnik	215
44	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju berdasarkan Lokasi	217
45	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Merentasi Zon	218
46	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju Merentasi Jenis Kediaman Keluarga	220
47	Perbandingan Tahap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Menghadapi Cabaran Negara Maju berdasarkan Kepelbagaian Etnik di Kawasan Kediaman Keluarga	222

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah	Tajuk	m/s
1	Model Awal bagi Pembangunan Kapasiti Komuniti berasaskan Aset	64
2	Kerangka Teoriitkal Kajian Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju	72
3	Aset Pembangunan Belia Positif	77
4	Kesediaan Belia dalam Pencapaian Tunggak Negara Maju	78
5	Taburan Responden mengikut Zon, Lokasi dan Etnik	81
6	Taburan Responden mengikut Zon, Lokasi, Jurusan dan Jantina	81
7	Regresi Sumbangan Gaya Hidup terhadap Kesediaan Belia sebagai Tunggak Negara Maju k Memenuhi Keperluan Negara Maju	165
8.	Regresi Sumbangan Amalan Keagamaan terhadap Kesediaan Belia untuk Memenuhi Sembilan Cabaran Keperluan Negara Maju	167
9.	Regresi Sumbangan Amalan Kesihatan terhadap Kesediaan Belia untuk Memenuhi Sembilan Cabaran Keperluan Negara Maju	169
10.	Regresi Sumbangan Pencanggahan Amalan Sivik terhadap Kesediaan Belia untuk Memenuhi Sembilan Cabaran Keperluan Negara Maju	170
11.	Regresi Sumbangan Keterlibatan Tingkah Laku Berisiko terhadap Kesediaan Belia untuk Memenuhi Sembilan Cabaran Keperluan Negara Maju	172
